

28/01/2003

Pemimpin Umno Pahang berundur jika tidak dipilih

Sariha Mohd Ali

KUANTAN: Kesiediaan pemimpin Umno Pahang mengundurkan diri daripada bertanding pada pilihan raya umum akan datang disalah tafsirkan kerana mereka sebenarnya hanya bersedia berbuat demikian jika tidak dipilih semula oleh pucuk pimpinan parti.

Timbalan Menteri Besar, Datuk Tan Mohd Aminuddin Ishak, berkata mereka hanya bersetuju memberi laluan jika diminta berbuat demikian bagi digantikan dengan muka baru yang lebih berkelayakan.

"Saya fikir kenyataan itu disalah tafsirkan. Bukan semua pemimpin Umno mahu berhenti. Yang sebenarnya, kita akan akur dengan keputusan pucuk pimpinan.

"Jika pucuk pimpinan fikir tenaga kita masih diperlukan dan diminta menyambung perkhidmatan, kita rela berkhidmat dan jika sebaliknya, kita juga akan terima.

"Ini bukan bermakna kita yang mahu atau bersetuju untuk berundur terus. Bagi kita, sama ada yang sudah lama atau baru hanya bersetuju memberi laluan jika pengganti baru dipilih," katanya selepas menutup Program Khidmat Sosial Negara (PKSN), di sini semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang berpendapat lebih baik jika semua pemimpin Umno meletak jawatan bagi memberi peluang Timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi memilih calon baru.

Tan Mohd Aminuddin berkata, banyak pihak mentafsirkan kenyataan Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob sebagai kesiediaan semua ahli Exco dan wakil rakyat Barisan Nasional (BN) Pahang meletak jawatan untuk memberi peluang kepada muka baru.

"Ini bukan bermakna kita perlu buat surat untuk berhenti. Cukup dengan kenyataan umum saja.

"Jika khidmat pemimpin sekarang masih diperlukan, saya percaya kepimpinan dalam Umno sendiri menyokong supaya dia meneruskan perjuangan atau khidmatnya itu," katanya.

Beliau juga berkata, saranan semua wakil rakyat dan Exco berhenti untuk menampilkan muka baru bukan pendekatan yang baik.

"Saya percaya kepimpinan tidak akan benarkan ia berlaku. Malah, jika semua yang dipilih baru, ia akan memberi kelebihan kepada pembangkang kerana mereka berfikir tidak ada lagi pemimpin berpengalaman dalam kerajaan negeri," katanya.

Bagaimanapun, Tan Mohd Aminuddin tidak menafikan ada wakil rakyat yang terpaksa digugurkan untuk memberi peluang kepada calon Wanita dan Puteri pada pilihan raya umum kelak.

"Kita yakin pucuk pimpinan tahu mengatur bagi memberi peluang sebaik mungkin kepada semua lapisan kepimpinan Umno dan ia tentu tidak dapat memuaskannya hati semua orang," katanya.